

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HSM 215 – PENSEJARAHAN MALAYSIA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap bahagian.

### Bahagian A

1. John Bastin, dalam syarahannya pada tahun 1959 menegaskan penulisan yang bertumpuan Asia atau Malaya (*Malaya centric* atau *Asia-centric*) tidak akan mudah dilaksanakan kerana banyak halangan. Bincangkan halangan-halangan tersebut dan reaksi sejarawan lain terhadap perbahasan beliau.
2. “Penulisan sejarah kebangsaan bermaksud beberapa sejarah masa lalu disenyapkan, dipinggirkan atau dilenyapkan daripada menjadi sebahagian daripada naratif kebangsaan”.

Dengan merujuk kepada pernyataan ini bincangkan sejauh manakah sejarawan tempatan mampu membawa dimensi baru kepada penulisan sejarah kebangsaan.

### Bahagian B

3. “Historiografi secara umumnya didefinisikan sebagai penulisan sejarah. Namun kadangkala penulisan sejarah tidak semestinya mengandungi erti sejarah sebagaimana yang difahami pada hari ini.” Bahaskan pendapat tersebut berdasarkan rujukan terhadap **mana-mana satu** teks pensejarahan Melayu tradisional.
4. Ideologi asas atau etika politik yang ingin diterapkan oleh pengarang teks **Sejarah Melayu** ialah ketaatsetiaan mutlak dan mengelakkan rakyat daripada melakukan perbuatan derhaka. Berdasarkan contoh-contoh yang jelas, bincangkan sejauh manakah pernyataan tersebut benar?
5. Tulisan-tulisan pentadbir kolonial tentang orang Melayu mencerminkan sikap, motif dan justifikasi tertentu yang berkaitan dengan kepentingan dan kemaraan dasar-dasar kolonialisme di negeri-negeri Melayu.

Ulaskan pernyataan tersebut berdasarkan beberapa tulisan yang dikemukakan oleh **Hugh Clifford** dan **Frank Swettenham**.

### Bahagian C

6. Bincangkan sumbangan dan kepentingan sumber-sumber memoir yang ditulis oleh golongan politik kiri dalam mentafsirkan semula konsep nasionalisme dan hakikat sebenar sejarah perjuangan kebangsaan sebelum merdeka.
7. Telitikan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam penulisan sejarah sosioekonomi moden Malaysia dari segi sumber dan pentafsirannya.
8. Merujuk kepada karya **Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu sempadan dan Kedaulatan** serta **Duri dalam daging: Singapura dalam Malaysia** tulisan Nik Anuar Nik Mahmud, bahaskan sejauh manakah penggunaan dokumen arkib berbanding sumber memoir mampu mewujudkan penulisan dan tafsiran sejarah diplomatik Malaysia moden yang objektif dan menyeluruh.

- 0000000 -